

A Tandakan ✓ pada pernyataan betul atau X pada pernyataan salah.

1. Aktiviti seperti berlari ulang-alik dan menunggang basikal dapat meningkatkan tahap kesihatan kita. ☐
2. Kita perlu melakukan aktiviti memanaskan badan dan meregangkan otot dengan selamat. ☐
3. Setiap kali pendidikan jasmani, saya memakai pakaian sukan yang bersih demi keselamatan diri. ☐
4. Dollah tidak memakai sarung tangan ketika menangkap bola dalam permainan bola sepak. ☐
5. Aktiviti kesenggangan tidak mendatangkan faedah sebaliknya hanya membazirkan waktu. ☐
6. Semua murid mesti mendengar dan mematuhi arahan guru ketika melakukan aktiviti senaman. ☐
7. Adik selalu tidak membasuh tangan sebelum makan nasi. ☐
8. Amin suka menunggang basikal dengan laju dan sering tidak memakai topi keledar. ☐
9. Kita perlu minum air yang dimasak secukupnya bagi mengelakkan penyakit cirit-birit. ☐
10. Selepas aktiviti bersenam, peralatan sukan tidak perlu disusun di tempat yang betul. ☐